



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN,PENERIMAAN DAN PENGOPERASIAN GURU REKA BENTUK  
DAN TEKNOLOGI TERHADAP AMALAN DALAM PENTAKSIRAN  
BERASASKAN SEKOLAH**

SITI NOR AISAH BINTI MOKTAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SAINS (TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ABSTRAK

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) terhadap amalan dalam PBS di sekolah kebangsaan negeri-negeri di zon selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan bagi mengumpul data. Sampel kajian adalah seramai 275 orang guru yang terdiri daripada guru yang mengajar murid tahun 4, 5 dan 6 dari 275 buah sekolah yang telah dipilih. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang terdiri daripada 12 item yang telah dibina dan melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah kekerapan dan peratusan, ujian korelasi dan regresi pelbagai. Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS)*. Hasil dapatan kajian menunjukkan amalan guru sebelum dengan min 3.97 (SP=.687), semasa dengan min 4.00 (SP=.604) dan selepas dengan min 4.02 (SP=.627) melaksanakan pentaksiran adalah baik. Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan pada tahap 0.01 di antara kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam melaksanakan PBS ( $r=0.403$ ). Hasil ujian regresi pelbagai menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan bagi konstruk kesediaan, penerimaan dan pengoperasian terhadap amalan guru RBT melaksanakan PBS ( $\beta=0.497$ ). Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa amalan guru dalam melaksanakan PBS berada di tahap yang baik dengan min 4.01 (SP=.572) di mana guru melaksanakan PBS mengikut amalan yang telah ditetapkan. Implikasi daripada kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, guru besar-guru besar dan guru-guru dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan di Malaysia menerusi pelaksanaan PBS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## THE READINESS, ACCEPTANCE AND OPERATION OF DESIGN AND TECHNOLOGY TEACHERS TOWARDS PRACTICE IN SCHOOL BASED ASSESSMENT

### ABSTRACT

School Based Assessment (PBS) is a holistic assessment that assesses cognitive (intellectual), affective (emotional and spiritual) aspects and psychomotor (physical) in line with the National Education Philosophy and Primary School Standard Curriculum (KSSR). The studied aims to identify the readiness, acceptance and operational of Design and Technology (RBT) teachers on practices in PBS in national schools of states in the southern zones of Negeri Sembilan, Melaka and Johor. This studied was a quantitative study using a survey design to collect data. The sample of the study was 275 teachers consisted of teachers who taught 4, 5 and 6 year students from 275 selected schools. The research instrument used was a questionnaire consisting of 12 items that have been developed and through validity and reliability process. The analysis used were frequency and percentage, correlation test and multiple regression. Data collected were analyzed using the Statistical Packages For Social Science (SPSS) software. The result of the study showed that the teacher's practice of pre- with min 3.97 (SP = .687), post- with min 4.00 (SP = .604) and after- with min 4.02 (SP = .627) school teachers were good. Correlation test shows that there is a significant relationship at the 0.01 level between the readiness, acceptance and operational of RBT teachers towards the practice of implementing PBS ( $r = 0.403$ ). The results of the various regression tests showed that there was a significant influence on the readiness, acceptance and operational of the practice of RBT teachers to implement PBS ( $\beta = 0.497$ ). Overall, the findings show that the practice of teachers in implementing PBS is at a good level with min 4.01 (SP = .572) where teachers performed PBS according to predetermined practice. The implications of this study are to assist the Ministry of Education, the State Education Department, the District Education Office, the professors and teachers in improving the quality of the education system in Malaysia through the implementation of PBS.





## KANDUNGAN

**Muka Surat**

<b>PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	11
1.4 Objektif kajian	14
1.5 Persoalan kajian	15





1.6	Hipotesis kajian	16
1.7	Kerangka kajian	17
1.8	Kepentingan kajian	20
1.8.1	Guru	20
1.8.2	Guru Besar	21
1.8.3	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	22
1.9	Batasan kajian	24
1.10	Definisi operasional	25
1.10.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	25
1.10.2	Reka Bentuk dan Teknologi	27
1.10.3	Kesediaan Guru	28
1.10.4	Penerimaan Guru	29
1.10.5	Pengoperasian	31
1.11	Rumusan	34

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	35
2.2	Perubahan dalam pentaksiran pendidikan	36
2.3	Prinsip perubahan pendidikan	42
2.4	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia	43
2.5	Amalan-amalan dalam pentaksiran	50
2.5.1	Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PBS	52
2.5.2	Penerimaan guru terhadap PBS	56





2.5.3	Pengoperasian PBS dalam menentukan penjaminan kualiti PBS	59
2.6	Rumusan	63

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	64
3.2	Reka bentuk kajian	65
3.3	Lokasi kajian	69
3.4	Populasi kajian	69
3.5	Prosedur pemilihan sampel	71
3.6	Instrumen kajian	76
3.7	Kebolehpercayaan instrumen	78
3.8	Kesahan instrumen kajian	79
3.9	Kajian rintis	80
3.10	Prosedur pengumpulan data	81
3.11	Kaedah menganalisis data	82
3.11.1	Pengumpulan data kuantitatif	82
3.12	Rumusan	84



### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	85
4.2	Analisis kebolehpercayaan	86
4.3	Profil responden	87
4.4	Dapatan kajian objektif pertama	91





4.5	Dapatkan kajian objektif kedua	96
4.6	Dapatkan kajian objektif ketiga	100
4.7	Dapatkan kajian objektif keempat	103
4.8	Dapatkan objektif kelima	106
4.9.	Dapatkan objektif keenam	110
4.10	Dapatkan objektif ketujuh	114

## BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	117
5.2	Ringkasan kajian	118
5.3	Perbincangan	119
5.3.1	Profil responden	119
5.3.2	Perbincangan dapatan kajian objektif pertama	120
5.3.3	Perbincangan dapatan kajian objektif kedua	123
5.3.4	Perbincangan dapatan kajian objektif ketiga	129
5.3.5	Perbincangan dapatan kajian objektif keempat	131
5.3.6	Perbincangan dapatan kajian objektif kelima	133
5.3.7	Perbincangan dapatan kajian objektif keenam	136
5.3.8	Perbincangan dapatan kajian objektif ketujuh	140
5.4	Kesimpulan	142
5.5	Cadangan kajian lanjutan	148
5.6	Penutup	150

## RUJUKAN

151

## LAMPIRAN





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Penyelidikan	66
3.2 Populasi Kajian Mengikut Negeri	71
3.3 Perincian Pemilihan Saiz Sampel bagi Guru RBT di Sekolah Rendah Zon Selatan	75
3.4 Bilangan Item Soal Selidik	77
3.5 Ujian Alfa Cronbach Kajian Rintis	80
3.6 Jadual Analisis Data Kajian	83
4.1 Nilai Pekali Alpha Cronbach	86
4.2 Kekerapan responden mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar	89
4.3 Kekerapan akademik tertinggi, jenis kelulusan pendidikan dan jenis latihan perguruan	90
4.4 Kekerapan mengikut kursus, bilangan kelas RBT diajar dan opsyen	91
4.5 Tahap amalan guru melaksanakan PBS	94
4.6 Tahap amalan sebelum pelaksanaan PBS	95
4.7 Tahap amalan semasa pelaksanaan PBS	95
4.8 Tahap amalan selepas pelaksanaan PBS	96
4.9 Hasil ujian deskriptif kesediaan, penerimaan dan pengoperasian	99





4.10	Skor min dan sisihan piawai konstruk kesediaan dengan amalan guru	100
4.11	Hubungan konstruk kesediaan dengan amalan guru	102
4.12	Skor min dan sisihan piawai konstruk penerimaan dengan amalan guru	103
4.13	Hubungan konstruk penerimaan dengan amalan guru	104
4.14	Skor min dan sisihan piawai konstruk pengoperasian dengan amalan guru	106
4.15	Hubungan konstruk pengoperasian dengan amalan guru	108
4.16	Pengaruh konstruk kesediaan, penerimaan dan pengoperasian dengan amalan guru	111
4.17	Rumusan Model	112
4.18	Keputusan Ujian ANOVA	113
4.19	Analisis regresi pelbagai pembolehubah yang menyumbang kepada kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam PBS	113
4.20	Analisis pencapaian murid	115





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	17
2.1 Prinsip Pentaksiran Sekolah (PBS)	47
3.1 Prosedur Pelaksanaan Kajian	68
3.2 Formula Krejcie dan Morgan	72
3.3 Kaedah Pengiraan Formula Krejcie dan Morgan	72



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LP	Lembaga Peperiksaan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PP	Pentaksiran Pusat
PS	Pentaksiran Sekolah
QA	<i>Question &amp; Answer</i>
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SGM	Standard Guru Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SPSS

*Statistical Package For The Social Science*

TMK

Teknologi Maklumat dan Komunikasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Kebenaran KPM
- C Surat Kebenaran JPN Negeri Sembilan
- D Surat Kebenaran JPN Melaka
- E Surat Kebenaran JPN Johor
- F Surat Pengesahan Instrumen
- G Surat Pengesahan Bahasa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



1.1 05-4506832

**Pendahuluan**

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu dengan menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). PBS mentaksir bidang akademik dan bukan akademik (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2011). Selain itu, PBS dikendalikan di sekolah secara terancang dan guru-guru adalah sebagai golongan pelaksana mengikut mata pelajaran masing-masing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru kerana ianya telah dilaksanakan oleh guru melalui kuiz, kerja rumah, projek, soal jawab dan lain-lain sejak dahulu lagi di sekolah-sekolah. PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia ada dilaksanakan dengan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan aplikasi Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) untuk membantu guru merekod pencapaian murid secara berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2011). Dalam bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional dalam kajian ini yang mengkaji kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

## 1.2 Latar belakang kajian

PBS merupakan satu perubahan dalam sistem penilaian dan pentaksiran pendidikan.



05 Perubahan dalam pendidikan bermula dari tahun 2011 dengan melaksanakan sistem penilaian prestasi murid berasaskan sekolah bagi mengatasi sistem pendidikan kini yang berorientasikan peperiksaan. Hal ini dilakukan selaras dengan Teras 2 Pelan Induk Peningkatan Pendidikan (KPM, 2006) yang bertujuan untuk Membangunkan Modal Insan yang memfokus kepada pemantapan sistem pentaksiran dan penilaian agar lebih holistik.

Oleh itu, telah disediakan satu sistem pentaksiran alternatif dengan mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan bagi memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian pendidikan yang diguna pakai pada masa kini. Ini juga selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan seperti





yang terkandung dalam Teras 6 Pelan Induk Peningkatan Pendidikan (KPM, 2006), iaitu Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Perubahan yang berlaku ini adalah selari dengan pengumuman oleh Menteri Pendidikan dan Lembaga Peperiksaan (LP) yang berhasrat untuk melaksanakan perubahan dalam sistem pentaksiran di sekolah bagi menangani isu sistem pendidikan di Malaysia yang terlalu menekankan kepada peperiksaan sahaja. Perancangan kepada perubahan ini dilaksanakan secara berperingkat bermula di sekolah rendah pada tahun 2011 dan di sekolah menengah pada tahun 2015 (Adi Badiozaman, 2006).

Pentaksiran yang dijalankan pada hari ini iaitu PBS bertujuan untuk mengesan dan memantau perkembangan serta pencapaian murid dalam pembelajaran menerusi

Modul Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid. Oleh demikian, ini diharapkan dapat mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang selain akademik. PBS adalah satu pentaksiran di mana guru-guru perlu faham dan mahir mentaksir agar pentaksiran dapat dilaksanakan dengan telus dan markah dapat diberi dengan betul mengikut pada tahap kemahiran murid itu sendiri. Guru perlu tahu prosedur PBS dijalankan dan cara bagaimana ianya direkodkan. Perkara ini perlu diberi perhatian dan dipertingkatkan kerana terdapat guru yang menyatakan bahawa kursus PBS yang dihadiri oleh mereka adalah kurang berkesan dan tidak mencukupi untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam melaksanakan PBS (Suriana, 2013).





PBS yang dilaksanakan ini adalah bersifat alternatif dan autentik. Pentaksiran alternatif bermaksud penilaian yang dilakukan bukan dalam bentuk peperiksaan atau ujian bertulis. Murid akan dinilai berdasarkan penglibatan mereka yang aktif dalam menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Pentaksiran autentik pula merujuk kepada pentaksiran yang dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti kerja kursus, membuat projek, melakukan persembahan, aktiviti jasmani, aktiviti kokurikulum, di samping membentuk sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid sebenar (Salmiah, 2012).

PBS bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi wajib dilaksanakan oleh murid Tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6 berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah disediakan yang mengandungi kriteria pencapaian yang berdasarkan setiap kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan. Mata pelajaran ini memberi tumpuan dalam menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah pada masa akan datang.

Mengajar adalah suatu aktiviti yang rumit dan perlu diterokti lagi (Nor Sabrina, 2013). Mengajar bukan proses menyampaikan ilmu, tetapi merangkumi proses bagaimana guru hanya proses menyampaikan ilmu, tetapi merangkumi proses bagaimana guru harus membuat pelajar faham tentang ilmu tetapi merangkumi proses bagaimana guru membuat pelajar faham tentang ilmu yang disampaikan. Oleh itu guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang kandungan mata pelajaran yang ingin diajar dan pengetahuan tentang cara menerangkan kandungan mata pelajaran





tersebut agar dapat difahami oleh pelajar dengan mudah (Norazizah & Azita, 2014). Oleh itu, guru opsyen Reka Bentuk dan Teknologi adalah lebih terlatih dan mahir untuk mengendalikan pentaksiran dalam mata pelajaran ini berbanding dengan guru bukan opsyen.

Pentaksiran yang diguna pakai dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dilaksanakan dalam bentuk amali, projek dan ujian bertulis dengan menggunakan Standard Prestasi yang menerangkan pencapaian atau penguasaan individu dalam bidang yang dilalui dalam satu tempoh pembelajaran berdasarkan satu penanda aras yang telah dikenal pasti atau pun dikenali sebagai band. Hal ini memerlukan guru yang mahir untuk mentaksir murid agar pentaksiran dapat dilaksanakan dengan telus dan mengikut prosedur yang betul yang telah ditetapkan.



Standard prestasi boleh membantu murid mengenal pasti kekuatan, kelemahan, kesilapan dan apa yang perlu diperbaiki, dan bagaimana perlu diperbaiki untuk mendapatkan hasil yang lebih baik. Selain itu, maklum balas yang memberi makna dapat membantu murid dalam tujuan dan perkembangan mereka dan dapat memberi motivasi serta meningkatkan lagi prestasi mereka di masa hadapan. Kredibiliti seorang guru akan dipertikaikan apabila guru kurang membuat persiapan sebelum PdP (Safarin & Hidayah, 2014).

Guru sebagai pentaksir kerja kursus yang dilantik sewajarnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan PBS di sekolah masing-masing dengan jayanya (Safarin & Hidayah, 2014). Dengan itu, guru opsyen adalah golongan pelaksana yang terbaik untuk melaksanakan pentaksiran ini dengan





baik dan mengikut prosedur yang betul seperti yang telah ditetapkan oleh KPM. Guru yang mengikuti kursus PBS seharusnya mempunyai pengetahuan yang lebih dan mahir dalam melaksanakan PBS serta dapat membantu rakan sejawat yang lain melakukan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menurut Mohammad Azhar (2006) pula, guru yang telah mengikuti latihan atau kursus berkaitan PBS lebih banyak mengamalkan kaedah pentaksiran yang betul berbanding guru yang tidak pernah mengikuti kursus tersebut. Oleh itu, pengetahuan tentang PBS amat penting dan perlu kepada guru kerana guru adalah golongan pelaksana di sekolah.

Selain itu, masalah ketidakhadiran murid menjadikan perjalanan pentaksiran terganggu dan tidak dapat disempurnakan dengan baik dan tepat pada masanya. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid stallain si tetapi, melaporkan prestasi pembelajaran murid dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Berdasarkan keputusan pentaksiran, guru dapat merancang semula strategi untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Guru sebagai pentaksir perlu menggunakan teknik pentaksiran paling berkesan untuk membantu pembelajaran murid mereka.

Kurikulum Standard RBT digubal dengan memberi penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh murid sekolah rendah Tahap II iaitu murid tahun 4, 5 dan 6. Oleh itu, pendedahan awal berkaitan kemahiran asas dalam bidang Teknikal, Teknologi Pertanian, Sains Rumah Tangga dan elemen merentas kurikulum seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi





(TMK), Kreativiti dan Inovasi serta Asas Keusahawanan ditekankan dalam mata pelajaran ini.

Kurikulum Standard RBT Tahap II ini terbahagi kepada enam tajuk iaitu Organisasi dan Keselamatan Bengkel, Asas Teknologi, Reka Bentuk, Penghasilan Projek, Teknologi Pertanian dan Sains Rumah Tangga. Keenam-enam tajuk ini merangkumi tiga jenis pembelajaran iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Tajuk-tajuk tersebut telah disusun mengikut aras kognitif murid iaitu daripada yang mudah kepada yang sukar. Untuk domain psikomotor, murid perlu melaksanakan aktiviti amali seperti kerja-buat-sendiri, penyelenggaraan, penghasilan projek dengan mengikut prosedur kerja yang betul dan beretika.



murni semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Proses kerja dalam mata pelajaran RBT ini memberi penekanan lebih kepada aspek pengetahuan, kemahiran, langkah kerja bagi penghasilan sesuatu projek. Murid yang mengikuti kurikulum standard RBT akan lebih terdedah kepada aspek mereka bentuk dan menggunakan bahan semasa menghasilkan projek.

Sekiranya pentaksiran menunjukkan murid telah menguasai tahap tertinggi yang boleh dicapai olehnya, proses pentaksiran akan tamat dan pencapaian murid akan digredkan dan disimpan dan seterusnya dibuat pelaporan. Jika seseorang murid belum mencapai tahap tertinggi dan masih boleh diperbaiki dan dipertingkatkan pencapaiannya, maka, murid akan dibimbing dan ditaksir semula sehingga mencapai tahap tertinggi yang boleh dicapai. Pentaksiran dilaksanakan oleh guru mengikut DSKP





yang disediakan. Maklumat daripada penilaian berterusan ini dapat membantu guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid. Justeru, guru melaksanakan pentaksiran dan penilaian melalui pemerhatian, amali, lisan dan peperiksaan murid.

Sebagai pentaksir, guru hendaklah memahami sepenuhnya matlamat dua jenis pentaksiran iaitu pentaksiran sumatif dan formatif. Mereka mesti dapat membezakan antara pentaksiran untuk pembelajaran berterusan dengan pentaksiran untuk tujuan penggredan kerana PBS merupakan satu proses mengumpul maklumat tentang pengetahuan, kemahiran dan kebolehan bagi kepentingan kedua-dua pihak iaitu guru dan murid (Black & Wiliam, 2014).

Menurut Noreza (2014), golongan guru telah diklasifikasikan sebagai golongan terpenting yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan impian dan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Oleh itu, guru memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan PBS ini. Selain itu, guru yang berkualiti tinggi berupaya menyumbang kepada keberkesanan mutu pendidikan yang mantap demi melahirkan generasi yang gemilang serta mampu merealisasikan wawasan 2020 (Noreza, 2014).

Menurut Adi Badiozaman (2006), bukanlah suatu perkara yang mudah untuk guru melaksanakan tugas ini kerana: (a) sekolah gagal menterjemahkan kefahaman pentaksiran kepada pelaksanaan yang berkesan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran; (b) sekolah mengabaikan tanggungjawab dengan mementingkan peningkatan dalam keputusan peperiksaan awam bagi memenuhi tuntutan masyarakat; (c) faktor manusia iaitu guru yang tidak bersedia dalam menerima perubahan dan





memikul tanggungjawab untuk menjadikan pentaksiran berdasarkan sekolah sebagai sebahagian daripada peningkatan dalam pencapaian kurikulum sekolah.

Oleh itu, kesediaan guru menerima perubahan dalam melaksanakan pentaksiran merangkumi kesediaan dari segi pengetahuan, latihan dan kemahiran kerana pentaksiran adalah sebagai satu proses. Dapatan Mohammad Azhar (2006), menyatakan punca utama kepada masalah pentaksiran yang dihadapi oleh guru ialah mereka kurang latihan, pengetahuan kemahiran dalam melaksanakan dan pentaksiran. Selain itu, pengajaran guru di dalam bilik darjah juga dikatakan hanya tertumpu kepada kecemerlangan murid dalam peperiksaan awam, memberi gred hanya untuk memastikan murid mereka lulus cemerlang dalam peperiksaan berpusat berbanding menggalakkan pembelajaran. Tambahan pula, guru kekurangan masa untuk merancang aktiviti penilaian disebabkan oleh bebanan tugas yang lain selain mengajar di sekolah.

Perubahan pendidikan tidak akan berjaya jika tidak dikaitkan dengan penerimaan guru sebagai pelaksana, terutamanya yang melibatkan perubahan pemikiran, sikap dan tingkah laku mereka (Salmiah, 2012). Justeru itu, guru seharusnya mempunyai kepercayaan bahawa perubahan kepada pelaksanaan PBS akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih baik lagi. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa membentuk sikap positif serta mempunyai kemauan yang tinggi untuk melaksanakan PBS mengikut dasar yang ditetapkan.





Selain itu, kebanyakan perubahan yang dilakukan dalam bidang pendidikan negara kurang mengambil kira isu dalaman dan personal guru sendiri serta persepsi guru kurang dititik beratkan. Dapatan Gran (2000), tentang guru dan persepsi mereka terhadap pelaksanaan perubahan dalam pendidikan mendapati hampir keseluruhan kategori perubahan pendidikan yang dilaksanakan sama ada berskala kecil mahu pun berskala besar telah memberi tekanan emosi kerana secara tidak langsung telah meningkatkan beban kerja-kerja pentadbiran dan kokurikulum di sekolah.

Guru merupakan faktor penting dalam pelaksanaan PBS kerana gurulah yang bertanggungjawab dari mula hingga ke akhir proses pelaksanaan PBS ini. Oleh itu, pengoperasian PBS merupakan tanggungjawab guru untuk memastikan penjaminan kualiti dalam pentaksiran. Menurut Clarke (2005), pemantauan adalah kunci utama untuk memastikan ketekalan dan kesinambungan yang dapat menunjukkan kesamaan dengan keadaan sebenar dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, ada ketikanya pemantauan kepada kumpulan murid yang berbeza akan menimbulkan pertanyaan sama ada pihak sekolah betul-betul berkesan dalam melaksanakan pentaksiran serta memenuhi keperluan murid untuk melaksanakan pentaksiran dengan betul (Salmiah, 2012). Melalui pemantauan, kesahan pentaksiran dapat dipastikan sementara penyelarasan skor yang dilakukan secara dalaman atau secara luaran pula dapat meningkatkan kebolehpercayaan dalam pentaksiran.

Selain itu, waktu mengajar bagi mata pelajaran RBT pada setiap minggu di mana hanya diperuntukkan 2 waktu sahaja selama seminggu. Hal ini juga memberi impak yang besar dalam melaksanakan PBS kerana waktu yang sedikit diperuntukkan di sekolah bagi mata pelajaran RBT dan waktu ini juga terpaksa dikongsi dengan mata





pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara bergilir-gilir. Oleh itu, selama sebulan, mata pelajaran RBT hanya diajar sebanyak 2 kali sahaja dan 4 waktu sahaja. Hal ini menjadikan guru kekangan masa untuk melaksanakan PBS.

### 1.3 Pernyataan masalah

Pelaksanaan PBS bukanlah satu perkara baru dalam pendidikan kerana ianya telah dijalankan di sekolah-sekolah sejak dari tahun 1980-an dan 1990-an lagi. Hal ini kerana guru mentaksir murid tidak hanya ketika peperiksaan sahaja tetapi juga di dalam kelas secara lisan dan bertulis melalui latihan-latihan yang diberikan dan secara berterusan. Walau bagaimanapun, pentaksiran di dalam kelas tidak diselaraskan dengan betul untuk



05 setiap sekolah di seluruh negara.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Guru masih mempunyai pengetahuan yang rendah dan bersikap negatif terhadap pentaksiran formatif (Berry, Sheehan, & Munro, 2017; Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang, 2016; Heitink, Van der Kleij, Veldkamp, Schildkamp, & Kippers, 2016). Terdapat juga sebilangan guru yang merasakan pentaksiran formatif suatu perkara yang mustahil untuk dilaksanakan dan ada yang tidak mahu menyepakukan pentaksiran ini di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Gonzales, 2012). Kebanyakan guru-guru masih lagi menganggap pentaksiran hanyalah untuk memberikan skor kepada pelajar dan bukannya untuk pembelajaran (Suzana Abd. Mutualib & Jamil Ahmad, 2012). Perkara ini terjadi bukan hanya kepada guru biasa malah guru pakar juga masih lagi kurang jelas dalam memberi makna dan definisi pentaksiran formatif (Lowry, 2011). Guru-guru yang sudah sekian lama menganggap pentaksiran





adalah untuk memberikan skor kepada pelajar agak sukar menerima pentaksiran formatif (Frey & Fisher, 2007).

Kesediaan guru melaksanakan PBS menjadi keraguan banyak pihak kerana terdapat guru-guru yang mengajar mata pelajaran RBT adalah guru bukan opsyen. Selain itu, ketiadaan kursus atau kurangnya kursus menyebabkan guru-guru kurang pengetahuan dan kemahiran tentang pelaksanaan PBS. Justeru itu, guru terangsang melaksanakan PBS mengikut kefahaman sendiri atau bertanyakan kepada rakan sejawat. Guru didapati kurang mahir menguruskan PBS sebagai sebahagian daripada proses PdP (Tan, 2010). Hal ini menyebabkan ada dalam kalangan guru yang mengasingkan pentaksiran dengan pengajaran. Akhirnya, guru akan berasa terbeban dan peningkatan tugas akan meningkat menyebabkan guru melaksanakan PBS sekadar



Manakala, terdapat guru yang beranggapan kurang percaya bahawa PBS dapat mengantikan sistem peperiksaan berpusat yang sekian lama digunakan dalam sistem penilaian pendidikan negara. Menurut Mohammad Azhar (2006), pelaksanaan PBS membebankan guru terutamanya dalam kerja pengkeranian yang melibatkan pemprosesan, perekodan markah murid dan penulisan laporan kerja yang terlalu akademik. Kekangan masa dankekangan kerja ini membentuk suatu kepercayaan dan sikap negatif guru tentang PBS menyebabkan mereka tidak jujur dalam memberi markah tugas yang tidak membayangkan realiti (Tan, 2010).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
13

Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk meninjau kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam pelaksanaan PBS ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk melihat kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam pelaksanaan PBS dan menggunakan guru RBT di sekolah kebangsaan sekitar zon selatan Semenanjung Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



#### 1.4 Objektif kajian :

Objektif am kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS dalam kalangan guru RBT melaksanakan PBS di sekolah yang secara khususnya bertujuan untuk :

1. Mengenal pasti tahap amalan dalam kalangan guru RBT melaksanakan PBS
2. Mengenal pasti tahap kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT melaksanakan PBS
3. Mengenal pasti hubungan kesediaan iaitu latihan, pengetahuan dan kemahiran terhadap amalan guru RBT melaksanakan PBS
4. Mengenal pasti hubungan penerimaan iaitu kepercayaan, sikap dan kemauan terhadap amalan guru RBT melaksanakan PBS
5. Mengenal pasti hubungan pengoperasian iaitu pemantauan, kesan pantau, kemudahan serta kos dan masa terhadap amalan guru RBT melaksanakan PBS
6. Mengenal pasti pengaruh kesediaan, penerimaan dan pengoperasian terhadap amalan guru RBT melaksanakan PBS
7. Mengenal pasti peningkatan pencapaian murid sekolah kebangsaan dengan pelaksanaan PBS





## 1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang memerlukan amalan pelaksanaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi beberapa persoalan kajian telah dibuat seperti berikut :

1. Apakah tahap amalan dalam kalangan guru RBT melaksanakan PBS?
2. Apakah tahap kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT dalam melaksanakan PBS?
3. Apakah hubungan kesediaan iaitu latihan, pengetahuan dan kemahiran dengan amalan guru RBT melaksanakan PBS?
4. Apakah hubungan penerimaan iaitu kepercayaan, sikap dan kemauhan dengan amalan guru RBT melaksanakan PBS?
5. Apakah hubungan pengoperasian iaitu pemantauan, kesan pantau, kemudahan serta kos dan masa dengan amalan guru RBT melaksanakan PBS?
6. Apakah pengaruh kesediaan, penerimaan dan pengoperasian dengan amalan guru RBT melaksanakan PBS?
7. Apakah pencapaian murid sekolah kebangsaan meningkat dengan pelaksanaan PBS?





## 1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis dalam kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul mengikut persoalan kajian. Hipotesis nul digunakan bagi mengenal pasti hubungan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS dengan amalan melaksanakan PBS dan juga mengenal pasti pengaruh kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS terhadap amalan melaksanakan PBS di sekolah-sekolah. Hipotesis nul disenaraikan seperti berikut :

*Ho1* Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan iaitu latihan, pengetahuan dan kemahiran terhadap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah




*Ho2* Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan iaitu kepercayaan, sikap dan kemauan terhadap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

*Ho3* Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengoperasian iaitu pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa terhadap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

*Ho4* Tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara kesediaan, penerimaan dan pengoperasian terhadap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah



## 1.7 Kerangka kajian



Rajah 1.1. Kerangka Kajian



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka bagi kajian ini yang bertujuan untuk mengenal pasti amalan guru Reka Bentuk dan Teknologi dalam melaksanakan PBS di sekolah. Kerangka kajian menunjukkan 3 konstruk iaitu kesediaan yang terdiri daripada latihan, pengetahuan dan kemahiran, manakala bagi konstruk penerimaan terdiri daripada sikap, kepercayaan dan kemahuan dan bagi konstruk pengoperasian pula terdiri daripada pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa. Ketiga-tiga konstruk ini berinteraksi terus dengan amalan dalam pelaksanaan PBS dan juga pencapaian murid dengan pelaksanaan PBS ini. Kerangka kajian ini adalah berdasarkan dua model yang telah dikenal pasti iaitu Model Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (2007) dan juga Model Input Output Slavian (1994).



05

Pentaksiran Berasaskan Sekolah telah dihasilkan oleh Abdul Zubir (2007) yang merangkumi amalan-amalan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah-sekolah dengan menambah pembolehubah yang telah dikenalpasti mampu mempengaruhi amalan pelaksanaan PBS ini iaitu pengoperasian. Model ini menunjukkan interaksi latihan dan pengetahuan kepada kemahiran dan interaksi kepercayaan dan sikap kepada kemahuan guru melaksanakan PBS.

Model ini juga menunjukkan pemantauan mempengaruhi amalan guru melaksanakan PBS. Oleh itu, pengkaji telah melakukan penambahbaikan ke atas model ini dengan meletakkan ketiga-tiga pembolehubah iaitu latihan, pengetahuan dan kemahiran di bawah satu konstruk iaitu konstruk kesediaan. Pembolehubah sikap, kepercayaan dan kemahuan pula di letakkan di bawah konstruk penerimaan manakala, pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa di bawah konstruk





pengoperasian. Selain itu, Model Input Output Slavian (1994) adalah berdasarkan input dan output. Input adalah berdasarkan model Slavian (1994) yang menyatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan dipengaruhi oleh empat faktor iaitu kualiti pengajaran iaitu melibatkan pengoperasian PBS, kesesuaian aras pengajaran melibatkan kesediaan dalam menjalankan PBS dan insentif serta masa pula melibatkan penerimaan PBS menjadi variabel tidak bersandar, manakala output pula adalah peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar yang berupa variabel bersandar.

Berdasarkan pembacaan pengkaji, mendapati ada keperluan untuk mengenal pasti tahap pencapaian murid dengan pelaksanaan PBS ini kerana apa jua bentuk perubahan di dalam sistem pendidikan adalah untuk peningkatan pencapaian murid sendiri. Oleh itu, amat penting untuk mengetahui tahap pencapaian murid dengan sistem pentaksiran baru ini agar sistem pendidikan negara dapat ditingkatkan dari segi kualiti dan pencapaian.

Matlamat kajian ini adalah mengenal pasti dan melihat sejauh mana amalan-amalan yang diamalkan oleh guru dalam melaksanakan PBS dalam mata pelajaran RBT berdasarkan model amalan guru dalam pelaksanaan PBS. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kesediaan, penerimaan, pengoperasian dan pencapaian murid dengan amalan guru RBT ketika melaksanakan PBS.





Amalan kesediaan guru yang terdiri daripada latihan (kursus), pengetahuan dan kemahiran berinteraksi dengan amalan penerimaan guru yang merangkumi sikap, kepercayaan dan kemauan. Manakala, bagi amalan pengoperasian pula terdiri daripada pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan, kos dan masa. Ketiga-tiga amalan ini berhubung kait dengan amalan dalam pelaksanaan PBS.

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru terhadap amalan mereka dalam pelaksanaan PBS dan juga pencapaian murid dengan pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah rendah pada ketika ini. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka kajian bagi kajian yang dijalankan ini.



## 1.8 Kepentingan kajian

### 1.8.1 Guru

Pelaksanaan perubahan pendidikan yang dirancang akan terhalang disebabkan oleh kesukaran pelaksana iaitu golongan guru untuk memahami maksud perubahan itu sendiri. Seterusnya, ketiadaan dan kekurangan peralatan, kemudahan, sokongan dan pengetahuan akan menjadi penghalang kepada perubahan tersebut. Hal ini akan menjadikan para guru merasa tertekan kerana belum bersedia ke arah perubahan tersebut. Oleh itu, kajian ini amat penting dalam menjana sistem pendidikan yang lebih baik dan holistik melalui guru kerana guru adalah golongan pelaksana PBS ini.





Selain itu, kemahiran merupakan satu elemen yang terpenting dalam pelaksanaan PBS ini. Bahagian Pembangunan Kurikulum menyatakan bahawa kemahiran dan pengetahuan yang ada pada guru mestilah dipertingkatkan lagi dan dikemas kini agar pendidikan yang ingin disampaikan bersesuaian dengan keperluan semasa pada masa kini.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang telah dibincangkan, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu guru sebagai pentaksir di sekolah untuk melaksanakan PBS dengan betul dan berkesan. Guru seharusnya dapat menentukan kepentingan mereka sebagai agen perubahan dan memainkan peranan penting sebagai pemudah cara di dalam bilik darjah. Kesan daripada situasi tersebut, murid akan lebih meminati pembelajaran mereka kerana tekanan terhadap peperiksaan dapat dikurangkan. Oleh itu, akan tercapai hal yang diinginkan iaitu menghasilkan modal insan yang cemerlang dari semua aspek.

### 1.8.2 Guru Besar

Seterusnya, kajian ini memberi kepentingan kepada guru besar-guru besar di Malaysia agar mengetahui tahap kesediaan, penerimaan dana pengoperasian PBS di sekolah masing-masing. Hal ini kerana para guru pada masa kini terlibat dengan pelbagai kerja-kerja yang di luar tugas mengajar seperti tugas-tugas pengkeranian. Ini akan memberi tekanan dan masalah kepada guru-guru untuk melaksanakan PBS dengan baik dan mengikut tetapan yang sebenarnya.





Sistem pentadbiran di sekolah juga perlu relevan dengan kehendak pendidikan pada masa kini dan tidak perlu membebankan guru dengan tugas-tugas yang tidak penting selain fokus kepada mengajar dan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menurut Mohamad Azhar (2006), pelaksanaan PBS membebangkan guru terutama dalam kerja pengkeranian yang melibatkan pemprosesan, perekodan markah murid dan penulisan laporan kerja yang terlalu akademik. Kekangan masa dan kekangan kerja ini membentuk suatu kepercayaan dan sikap negative guru tentang PBS menyebabkan mereka tidak jujur dalam memberi markah tugas yang tidak membayangkan reality (Tan, 2010).

#### **1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**



Kajian ini diharapkan dapat menjana beberapa dapatan yang akan membantu pihak penggubal dan pelaksana dasar khasnya pihak Lembaga Peperiksaan (LP) serta pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) termasuk pihak pengurusan sekolah dalam merancang keperluan guru sebagai Pentaksir Sekolah. Oleh itu, guru merupakan elemen penting dalam pentaksiran iaitu sebagai orang penting yang bertanggungjawab melaksanakan PBS, guru perlu disediakan dengan ilmu pentaksiran yang cukup agar mereka dapat menjalankan tugas sebagai Pentaksir Sekolah dengan baik dan berkesan. Guru juga perlu dilatih dan mahir melaksanakan PBS.





Terdapat pelbagai persoalan yang diutarakan dan antaranya ialah apakah guru sebagai pentaksir benar-benar kompeten dalam melaksanakan PBS seperti yang dihasratkan dalam kerangka dan model Standard Guru Malaysia (SGM), iaitu menegaskan satu standard yang perlu dicapai oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan kebolehan mereka membuat perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembelajaran (KPM, 2009).

Oleh itu, faktor lain yang memberi kesan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu diberi lebih perhatian untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan memberi kesan pada murid. Mata pelajaran RBT lebih dikenali sebagai mata pelajaran amali iaitu kerja-buat-sendiri. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajarannya adalah bergantung kepada banyak faktor seperti kelengkapan pengalatan yang teratur, masa yang diperuntukkan untuk pelajaran, tenaga pengajar yang mahir dan sebagainya (Gangagoury, 2008).

Guru-guru juga dibebani dengan pelbagai tugas seperti tugas-tugas pengkeranian. Selain itu, guru juga masih memberi tumpuan kepada kecemerlangan murid dalam peperiksaan awam. Oleh itu, kajian ini dapat mengenal pasti penerimaan guru dari segi sikap, kepercayaan dan kemahuan mereka melaksanakan PBS. Seiring dengan itu, pihak pelaksana dasar terutamanya bahagian latihan guru boleh merancang dan dapat menentukan jenis latihan yang bersesuaian dan berkesan untuk membentuk sikap, kepercayaan dan kemahuan guru terhadap perubahan dalam pendidikan.





Akhir sekali, kajian ini bertujuan mengenal pasti kesediaan , penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam PBS. Sebarang perubahan dalam pendidikan bergantung kepada apa yang guru buat dan fikirkan. Oleh itu, kajian ini akan dapat memberi sumbangan kepada pihak KPM dalam meningkatkan ilmu PBS disamping dapat memperbaiki pelaksanaan sistem PBS dalam mata pelajaran RBT yang boleh dijadikan rujukan pihak kementerian mahu pun pihak-pihak lain yang melaksanakan PBS.

### 1.9 Batasan kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada amalan guru RBT dalam proses pelaksanaan PBS



dalam mata pelajaran RBT di sekolah kebangsaan. Kajian juga memberi tumpuan kepada hubungan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT dalam amalan pelaksanaan PBS dan juga mengenal pasti tahap pencapaian murid dengan pelaksanaan PBS ini.

Kajian dijalankan di sekolah-sekolah kebangsaan terpilih di seluruh zon selatan Semenanjung Malaysia dalam mata pelajaran RBT. Oleh itu, kajian bertujuan untuk meninjau kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru RBT terhadap amalan dalam pelaksanaan PBS. Maka, sampel kajian terbatas kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tahun 4, 5 dan 6 di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh zon selatan Semenanjung Malaysia.





## 1.10 Definisi operasional

Antara istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini ialah :

### 1.10.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS adalah satu bentuk penilaian dalam pendidikan yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara pada ketika ini. Ia merupakan satu komponen pentaksiran yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan semua urusan pentaksiran dilakukan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS merangkumi tiga bentuk iaitu projek, ujian lisan berdasarkan



PBS dalam mata pelajaran RBT adalah dalam bentuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Pada Tahap II di sekolah rendah iaitu tahun 4, 5 dan 6, mata pelajaran RBT diajar sebagai satu mata pelajaran teras dalam KSSR. Mata pelajaran ini memberi perhatian dalam menyediakan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas agar membolehkan murid-murid ini menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah pada masa akan datang.

Kurikulum Standard RBT ini digubal dengan memberi penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh murid sekolah rendah tahun 4, 5 dan 6. Tambahan pula, pendedahan awal tentang kemahiran asas ini dalam bidang Teknikal, Teknologi Pertanian, Sains Rumah





Tangga dan elemen merentas kurikulum seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kreativiti dan Inovasi serta Asas Keusahawanan juga ditekankan dalam mata pelajaran RBT.

Kurikulum Standard RBT Tahap II, telah diorganisasikan kepada enam tajuk iaitu Organisasi dan Keselamatan Bengkel, Asas Teknologi, Reka Bentuk dan Penghasilan Projek, Teknologi Pertanian dan Sains Rumah Tangga. Keenam-enam tajuk ini merangkumi domain-domain pembelajaran iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Tajuk-tajuk tersebut telah disusun mengikut aras kognitif murid iaitu daripada yang mudah kepada yang sukar. Bagi domain psikomotor, murid melaksanakan aktiviti amali seperti kerja-buat-sendiri, pertukangan, penyelenggaraan, penghasilan projek dengan mengikut prosedur kerja yang betul dan beretika. Manakala bagi domain afektif, murid didedahkan kepada aspek nilai-nilai murni semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Projek-projek dalam mata pelajaran RBT ini lebih menekankan kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan langkah kerja yang betul dan selamat bagi penghasilan sesuatu projek. Langkah-langkah keselamatan pula perlu diambil kira dalam setiap projek yang dihasilkan seperti projek mereka bentuk dan menggunakan teknologi-teknologi terkini dalam projek murid.

PBS dalam RBT merupakan pentaksiran formatif yang amat mementingkan tentang tiga perkara iaitu kebolehpercayaan, kesahan dan keadilan (Salmiah, 2012). Kebolehpercayaan melaksanakan pentaksiran adalah merujuk kepada guru yang melaksanakan pentaksiran menggunakan kaedah pentaksiran formatif di mana





pentaksiran dengan proses pembelajaran berlaku serentak dan tidak diasingkan. Melalui pentaksiran formatif, murid akan mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam situasi mereka bersedia dan guru dapat mengetahui keperluan murid serta menyediakan teknik pengajaran yang sesuai untuk tujuan peningkatan. Guru seharusnya percaya bahawa pentaksiran akan dapat meningkatkan tahap pengajaran di dalam kelas, membantu meningkatkan kefahaman murid dan seterusnya memberi kemahiran kepada murid.

Pentaksiran memberi ruang dan peluang kepada guru untuk menilai keberkesanan proses pembelajaran, pemahaman serta pencapaian murid. Pentaksiran merupakan satu proses rutin yang dilakukan oleh guru bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan. Pentaksiran ini juga berperanan sebagai kayu pengukur kejayaan pihak guru itu sendiri dalam membawa perubahan terhadap pembelajaran murid di



### 1.10.2 Reka Bentuk Dan Teknologi

Mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT) ini merupakan salah satu mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh murid-murid Tahap II iaitu Tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah. RBT merupakan salah satu mata pelajaran yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Mata pelajaran RBT ini memberi tumpuan dan perhatian kepada pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan murid-murid ini menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di alam sekolah menengah.





Dalam Kurikulum Standard RBT, murid-murid diberi penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu murid Tahun 4,5 dan 6 ketahui, fahami dan kuasai. Dalam mata pelajaran ini murid-murid diberi pendedahan awal kepada kemahiran asas dalam bidang Teknikal, Teknologi Pertanian, Sains Rumah Tangga dan elemen merentas kurikulum antaranya ialah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kreativiti dan Inovasi serta Asas Keusahawanan.

Tambahan pula, dalam mata pelajaran RBT ini, ianya menekankan kepada nilai-nilai murni, kerja-buat-sendir (DIY), peka kepada keadaan sekeliling dan sikap yang sentiasa positif semasa menjalankan aktiviti untuk melahirkan murid yang kreatif, berdaya saing, celik teknologi dan mempunyai sifat-sifat keusahawanan.



### 1.10.3 Kesediaan guru

Guru merupakan agen penting kepada perubahan dalam pendidikan. Selain itu, kedudukan guru sebagai satu profesion di dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan turut sama menghadapi cabaran-cabaran pada masa kini dan akan datang. Di tangan guru sendiri martabat profesion keguruan dapat dipertingkatkan dengan memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap murid, ibu bapa, masyarakat, negara, rakan sejawat dan tanggungjawab terhadap profesion keguruan itu sendiri (KPM, 2009).





Dalam kajian ini, kesediaan melaksanakan PBS adalah bergantung kepada latihan iaitu kursus, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi. Hal ini kerana guru merupakan orang yang terlibat secara langsung dalam proses pentaksiran dan orang yang paling dipercayai untuk melaksanakan pentaksiran murid di dalam kelas. Guru RBT perlu melaksanakan pentaksiran mengikut DSKP yang telah disediakan oleh LP dan pentaksiran adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Oleh itu, guru RBT perlu diberi latihan atau kursus yang lebih agar mempunyai kefahaman yang sama dan mendalam untuk mentaksir. Pihak kementerian telah merancang dan memberikan kursus kepada guru-guru RBT ini mengenai cara pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran RBT pada peringkat awal pelaksanaannya.



05

Namun begitu, kursus yang diberikan ini tidak menyeluruh kerana masih ramai guru yang tidak pernah menghadiri kursus dan kurang jelas tentang pelaksanaan PBS. Guru yang tidak menghadiri kursus hanya mendapat maklumat daripada guru yang menghadiri kursus dan mengikut panduan daripada rakan-rakan sejawat yang berkemungkinan juga tidak mahir dalam melaksanakan PBS.

#### 1.10.4 Penerimaan guru

Kepercayaan merupakan perasaan dalaman yang dibentuk oleh individu terhadap suatu perkara sama ada negatif atau positif dan perasaan itu dipamerkan melalui sikap dan kemauan mereka melakukan. Penerimaan guru RBT melaksanakan PBS adalah berkaitan dengan kepercayaan, sikap dan kemauan guru melaksanakan PBS.





Keberkesanan PBS bergantung kepada beberapa faktor seperti sikap, orientasi dan falsafah guru terhadap pelajar dan proses pengajaran-pembelajaran, serta latihan, pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran (Sharifah Munirah, 2012). Selain itu, sikap mempunyai hubungan dengan semua kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Suhaimi (2004) menyatakan bahawa, sikap merupakan komponen penting kepada pengajaran guru yang berkesan. Justeru itu, sikap mempunyai hubungan dengan pendapat, aksi, penilaian dan tanggapan yang dihasilkan melalui aksi kerja mental dan perlakuan individu itu sendiri.

Oleh itu, guru RBT yang positif terhadap tugas dan tanggungjawabnya serta perubahan dalam pendidikan pasti akan dapat melaksanakan tugasnya dengan penuh minat dan bertanggungjawab, seterusnya akan dapat mempengaruhi prestasi kerjayanya. Sementara itu, bagi guru RBT yang bersikap negatif terhadap tugasnya akan menjadi penghalang utama untuk mencapai matlamat perubahan dalam pendidikan dan sekaligus akan menyebabkan misi dan visi KPM gagal mencapai matlamatnya.

Penerimaan guru adalah penting kerana guru adalah pelaksana pentaksiran. Terdapat juga guru yang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBS walaupun mereka tidak mempunyai kemahiran untuk melaksanakannya. Ada juga dalam kalangan guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBS tetapi, tidak dapat melaksanakan PBS dengan baik dan betul disebabkan mereka mengalami halangan seperti tidak cukup peralatan dan kemudahan dan ini memperkuuhkan lagi sekiranya mereka tidak mendapat sokongan daripada pihak pentadbir sekolah (Salmiah, 2012).





Menurut Nor Azni (2015), kejayaan sesebuah sekolah bukan sahaja bergantung kepada kepimpinan pengetua, tetapi juga kepada guru yang dianggap asset kepada organisasi sekolah. Komitmen guru terhadap tugas mereka dapat menentukan tercapai atau tidak sesuatu matlamat yang diletakkan oleh pihak sekolah.

#### 1.10.5 Pengoperasian

Pengoperasian berkaitan dengan satu daripada konsep dan dasar PBS iaitu penjaminan kualiti. Penjaminan kualiti dilakukan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Ini dilaksanakan melalui pemantauan dan penyelarasannya oleh pihak dalaman (*internal accessor*) iaitu Ketua Panitia, Guru Kanan Mata Pelajaran, Penolong



05

Kanan dan Pengetua. Manakala pemantauan dan penyelarasannya (external accessor) dilakukan sama ada oleh Ketua Pentaksir Kawasan, Ketua Pentaksir Negeri, Ketua Pentaksir Kebangsaan, Jemaah Nazir, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian (LPM, 2007).

Sesuatu program dalam mata pelajaran RBT yang dilaksanakan perlu dipantau untuk memastikan pelaksanaannya dilakukan mengikut perancangan yang telah disusun serta mencapai objektifnya. Pemantauan bermaksud melihat kelancaran sesuatu program yang telah dirancang, dilaksana mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan membantu mencapai matlamat sebenar sesuatu program. Dalam konteks kajian ini pemantauan bagi guru-guru RBT dijalankan pada peringkat awal tahun atau mengikut keperluan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran RBT di samping menentukan kesahan pentaksir. Oleh itu, penyelarasannya





adalah sangat penting dalam memastikan PBS dalam mata pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang betul, seragam dan teratur dari segi peraturan penskoran, penggunaan peraturan penskoran dan pemberian skor oleh guru-guru RBT.

Penyelarasan skor dapat memastikan kebolehpercayaan dalam pentaksiran. Selain menyeragamkan skor, penyelarasan juga ialah satu proses penyeragaman alat, bahan dan situasi mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk menghasilkan skor yang terselaras (LPM, 2007). Selain itu, kesan daripada pemantauan juga memainkan peranan yang penting di mana iaanya akan memberi kesan kepada guru RBT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Kesan pemantauan ini akan menjadi satu penanda aras kepada tahap pengajaran guru-guru RBT di dalam bilik darjah. Oleh itu, guru RBT akan berusaha mencapai tahap yang lebih baik dalam pelaksanaan PBS dengan kesan pemantauan yang diterima.

Kemudahan pula berkait rapat dengan prasarana yang terdapat di sekolah dalam menjayakan pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran RBT ini. Kemudahan yang baik dan mencukupi bagi setiap murid akan memudahkan dan menepati syarat pelaksanaan PBS oleh guru RBT di mana PBS mengkehendaki murid ditaksir secara individu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, kemudahan di sekolah amat penting dan memainkan peranan yang besar dalam pelaksanaan PBS kepada guru-guru RBT.





Kos dan masa pula merujuk kepada waktu mengajar bagi mata pelajaran RBT pada setiap minggu di mana hanya diperuntukkan 2 waktu sahaja selama seminggu. Hal ini juga memberi impak yang besar dalam melaksanakan PBS kerana waktu yang sedikit diperuntukkan di sekolah bagi mata pelajaran RBT dan waktu ini juga terpaksa dikongsi dengan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara bergilir-gilir. Oleh itu, selama sebulan, mata pelajaran RBT hanya diajar sebanyak 2 kali sahaja dan 4 waktu sahaja. Hal ini menjadikan guru kekangan masa untuk melaksanakan PBS.

Kos merupakan satu bajet yang perlu cukup untuk pelaksanaan projek dalam mata pelajaran RBT. Sebagaimana yang diketahui, mata pelajaran RBT mempunyai banyak projek yang perlu dilaksanakan sepanjang tahun dan kos yang diterima haruslah mencukupi bagi setiap murid untuk melaksanakan PBS. Tetapi, peruntukan yang diterima oleh sekolah-sekolah adalah tidak mencukupi dan harga barang projek juga agak mahal untuk dibeli bagi setiap murid.

Guru perlu merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Walau bagaimanapun, guru perlu mengurus dan merekodkan penguasaan murid selain membuat pelaporan pencapaian murid dilihat memberi tekanan kepada guru apabila ada dalam kalangan guru kurang pengetahuan dan kefahaman bagaimana untuk mengaplikasikan modul offline ini. Guru juga merungut bahawa mereka kurang mempunyai masa untuk mengisi markah pencapaian murid mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak LPM. Ini adalah kerana guru perlu menyediakan instrumen dari band satu hingga band enam yang perlu diuji kepada murid dan perlu membuat permantauan di mana bilangan murid yang ramai sebanyak 40 hingga 50 murid dalam





sesebuah kelas menyebabkan guru tidak mempunyai masa dan sekali gus meletihkan guru tersebut (Abdul Said Ambotang, 2017).

Ini menyebabkan ada dalam kalangan guru yang tidak menjalankan PBS tetapi mengisi pencapaian murid dalam modul offline murid tersebut. Kesukaran untuk mengakses sistem ini juga membuang masa guru dan menjadikan pengurusan masa yang tidak efisien (Maslin, 2014). Guru juga cenderung menggubal soalan tanpa menggunakan JSU sebagai panduan. Ini menyebabkan item-item soalan yang dibina tidak mempunyai kesahan standard dan mungkin juga tersasar daripada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Dalam pelaksanaan PBS ini, guru adalah individu terpenting yang akan menjalankan visi dan menyampaikan ilmu dan kemahiran ini (Abdul Said Ambotang, 2017).



## 1.11 Rumusan

PBS memberi impak yang besar kepada pelbagai pihak seperti guru, guru besar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Guru adalah golongan pelaksana yang amat terkesan dengan perubahan dalam sistem pendidikan ini. Oleh itu, para guru hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan PBS ini di sekolah. Selain itu, pihak pentadbir juga hendaklah memainkan peranan dalam membantu dan memudahkan guru dalam melakukan pentaksiran. Pihak atasan juga seperti KPM, JPN dan PPD perlulah memberi kerjasama yang baik kepada guru dalam menjayakan pelaksanaan PBS ini di sekolah dan tidak mewujudkan tekanan kepada guru-guru untuk melaksanakan PBS.

